

Pilihan Raya Umum Ke-14, Kewartawanan Pemertikaian dan Berakhirnya Hegemoni Barisan Nasional

Mohd Amirul Akhbar Mohd Zulkifli*
Universiti Teknologi MARA, Malaysia

*Emel perhubungan: amirul@uitm.edu.my

Abstrak

Lanskap politik Malaysia telah mencatatkan perubahan 'tektonik'nya yang tersendiri dengan menyaksikan tumbanganya Barisan Nasional (BN) yang telah mengemudi negara selama lebih 60 tahun. BN bukan sahaja kalah teruk dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) tetapi mencatatkan noktah hitam dalam politik moden negara ini. Makalah ini menganalisis perkembangan isu-isu berkaitan politik Malaysia khususnya selepas Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13) membawa ke PRU14. Penganalisan dilakukan menerusi kaedah kualitatif yang melibatkan dari sudut 'historical study' dan analisis kandungan yang melibatkan bahan-bahan sekunder iaitu buku, jurnal, kertas penyelidikan, serta akhbar. Menerusi proses ini, ia telah membina pemahaman terhadap isu-isu yang diperdebatkan melibatkan PRU13 dan PRU14. Isu-isu berkenaan pula telah diperkukuhkan akan perkongsiannya menerusi dinamisme kewartawanan pemertikaian menerusi platform media sosial. Makalah ini turut menganalisis hubungan yang wujud di antara kewartawanan pemertikaian dan sumbangannya terhadap keretakan hegemoni pemerintah iaitu BN yang tumbang kepada Pakatan Harapan (PH).

Kata Kunci: Politik, Teknologi Komunikasi, Kewartawanan
Pemertikaian, Hegemoni

General Election 14, Contentious Journalism, and the Collapse of the National Front

Abstract

The Malaysian political landscape has recorded its “tectonic” shift with the collapse of the National Front after nearly 60 years leading the country. The National Front has not only suffered its worst defeat in GE14, but its fall is also marred as a watershed in modern politics of this country. This study analyzed the development of political issues in Malaysia after GE13 towards GE14. A qualitative research method was conducted using historical study and content analysis based on secondary data resources, which involved books, journals, research papers and newspapers. Through the process it developed an understanding towards the issues debated in GE13 and GE14, supported by the dynamism of contentious journalism with shared information via the social media platforms. In essence, from analysis of this study, there is evident relationship between contentious journalism and its contribution towards the fracture of hegemony of the National Front towards Pakatan Harapan.

Key Words: *Politics, Communication Technology, Contentious Journalism, Hegemony*

Pengenalan

Politik Malaysia moden telah merakamkan tumbangnya kerajaan Barisan Nasional (BN) kepada Pakatan Harapan (PH) dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) (2018) setelah lebih 60 tahun menerajui tampuk pemerintahan negara. Fenomena luar jangka berkenaan turut mengesahkan berakhirnya hegemoni penguasaan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) sebagai tunjang utama kepada BN sejak PRU 1959 (dikenali sebagai Perikatan). Detik bersejarah pada tanggal 9 Mei 2018 yang menyaksikan kemenangan PH ke atas BN sebenarnya adalah satu kejutan dan bersifat anti-tesis kepada pandangan serta telahan yang menidakkan keupayaan mereka dalam menundukkan BN.

Nasib yang menimpa BN hampir menyamai Parti Liberal Demokratik (LDP) yang setelah 51 tahun memimpin Jepun akhirnya tersungkur kepada Parti Demokratik Jepun (DPJ) pada tahun 2009. Kebangkitan PH di Malaysia dapat disamakan dengan kejayaan DPJ 10 tahun yang lalu dengan menumbangkan LDP di Jepun. Malahan nasib yang sama turut menimpa Parti Kuomintang (KMT) Taiwan yang kalah teruk dalam pilihan raya tempatan pada 2014. Ia menyaksikan Parti Demokratik Progresif (DPP) mengungguli 47.5 peratus undi berbanding KMT 40.7 peratus di seluruh Taiwan. PRU14 sememangnya layak dinobatkan sebagai “ibu segala pilihan raya” atau *mother of election* di Malaysia dan bukanlah PRU13 yang diadakan pada 5 Mei 2013. BN terpaksa akur terhadap “penghukuman awam” yang dijelmakan menerusi undian rakyat sekaligus menyaksikan rebahnya BN di semua negeri kecuali Pahang dan Perlis.

Perjalanan PRU14 tampak jelas apabila mantan Perdana Menteri Ke-6 Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak (selepas ini Najib Razak) mengumumkan pembubaran Parlimen ke-13 pada 7 April 2018. Berikutan dengan pengumuman itu menyaksikan pembubaran Dewan Undangan Negeri (DUN) bagi negeri-negeri di bawah Persekutuan Malaysia. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah menetapkan PRU14 diadakan pada 9 Mei 2018 manakala tarikh penamaan calon ditetapkan pada 28 April 2018 dan tarikh pengundian awal adalah pada 5 Mei 2018.

Ia adalah selaras dengan Perkara 55 (4) Perlembagaan Persekutuan, yang menetapkan pilihan raya umum mesti diadakan dalam tempoh 60 hari selepas tarikh pembubaran Parlimen. Bagi PRU14, tempoh berkempen adalah jauh lebih singkat iaitu 11 hari bermula pada tarikh penamaan calon berbanding PRU13 yang berjumlah 15 hari. Manakala sejumlah 14,940,624 juta pemilih berdaftar adalah layak untuk mengundi berdasarkan kepada Daftar Pemilih Suku Keempat 2017.

PRU14 terbukti adalah yang paling sengit pernah dihadapi oleh BN yang diketuai oleh Presiden UMNO yang juga adalah Pengerusi BN iaitu Mohd Najib berhadapan dengan PH yang dikemudikan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad (selepas ini Mahathir). Ia menyaksikan 222 kerusi Parlimen dan 505 kerusi DUN dipertandingkan. Berdasarkan kepada congakan awal, PH hanya memerlukan majoriti mudah di Dewan Rakyat sebanyak 112 kerusi tetapi berdasarkan kepada keputusan akhir menunjukkan jumlah kerusi yang dimenangi oleh PH adalah sebanyak 122 kerusi dan BN hanya mampu mengungguli 79 kerusi sahaja. Manakala 18 kerusi dimenangi oleh PAS dan Bebas sebanyak 3 kerusi. Jika dipecahkan mengikut pembahagian kerusi Parlimen yang dimenangi oleh parti-parti yang bernaung di bawah PH ia adalah merangkumi Parti Keadilan Rakyat (PKR) (47 kerusi), Parti Tindakan Demokratik (DAP) (42 kerusi), Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) (13) dan Amanah (11). Sementara bagi Parti Warisan Sabah walaupun tidak menyertai PH tetapi mereka adalah sekutu dan kemenangan lapan kerusi milik mereka digabungkan dengan sebuah kerusi bebas yang dimenangi oleh P. Prabakaran menjadikan kesemuanya berjumlah 122 milik PH. Jika diteliti dari sudut jumlah peratusan undi popular yang dimenangi oleh BN ialah 34% dengan jumlah undi 4,080,797. PH pula memperolehi peratusan (48%) mewakili 5,837,283 undi dan PAS memperolehi (17%) undi popular yang berjumlah 2,042,520.

Berikutan itu, PH telah mengesahkan bahawa keputusan PRU14 adalah menyebelahi mereka berbanding PRU13 sekaligus menyaksikan Putrajaya telah “dirampas” daripada BN. Situasi yang berlaku jelas menunjukkan ‘Tsunami Rakyat Malaysia’ telah menenggelamkan populariti dan keegoan BN yang telah berkuasa selama lebih enam dekad. Tsunami pertama menerusi PRU12 (2008) sebenarnya tidak

pernah meninggalkan “pesisiran pantai” yang rata-ratanya diungguli oleh pengundi muda. Ia sebenarnya membentuk “tapak yang subur” seakan pertembungan arus sejuk dan arus panas “Kuroshio” dan “Oyashio” yang berkembang pada PRU13 (2013). Walaupun BN berjaya merampas Kedah daripada Pakatan Rakyat (PR) namun mereka gagal untuk memperolehi majoriti dua per tiga kerusi parlimen kerana hanya memenangi 133 kerusi berbanding 140 kerusi di dalam PRU12. Episod malang BN berterusan apabila menjelang PRU14 (2018) PH telah “menuai” dan memperolehi hasil yang cukup *lumayan* dengan tersungkurnya BN hampir di semua negeri termasuk kubu kuat UMNO iaitu negeri Johor Darul Takzim. Dalam konteks ini, sarjana tersohor dalam kajian sains politik iaitu Maurice Duverger (1963) menyatakan parti-parti politik yang telah terlalu lama mendominasi sebenarnya tidak menyedari akan usia mereka yang telah “tua”. Ia adalah menempati *“wears itself out in office, its loses its vigour, its arteries harden”*.

Barisan Nasional semasa Pasca Pilihan Raya Umum 2013

PRU13 yang berlangsung pada 5 Mei 2013 adalah medan ujian dan kayu pengukur kepada penerimaan BN dalam kalangan pengundi yang keseluruhannya berjumlah 13,268,002. Najib Razak perlu membuktikan bahawa prestasi kerajaan pimpinannya adalah lebih baik berbanding prestasi buruk BN dalam PRU12 yang diterajui oleh bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi (selepas ini Abdullah Badawi). Natiyah daripada PRU13 menunjukkan prestasi BN adalah jauh lebih mengecewakan apabila hanya mampu memenangi 133 kerusi parlimen (59.91%) dengan undi popularnya terus merosot kepada 47.38% berbanding 52.2% pada 2008. Manakala Pakatan Rakyat (PR) pula hanya memenangi 89 kerusi parlimen (40.09%) dan memperolehi undi popular sebanyak 50.87%. Keputusan PRU13 yang diumumkan pada 6 Mei 2013 menunjukkan BN gagal memperolehi mandat dua pertiga di peringkat Parlimen malahan mereka turut gagal mengekalkan kemenangan 140 kerusi dalam PRU-12. Walaupun BN berjaya merampas kerajaan negeri Kedah daripada PR, namun Pulau Pinang, Selangor dan Kelantan terus dikuasai oleh PR dengan majoriti dua pertiga kerusi di peringkat Dewan Undangan Negeri.

Dalam mendepani dan mengungguli PRU13, Najib Razak telah menonjolkan pencapaian negara di bawah pimpinan beliau khususnya yang melibatkan BN. Antara yang paling menonjol ialah melibatkan gagasan 1Malaysia yang berpandukan kepada prinsip *Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan*. Menerusi gagasan berkenaan ia bertujuan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara moden, progresif dan mengamalkan demokrasi yang melindungi hak dan kebebasan rakyat. Selain itu, Program Transformasi Ekonomi (ETP) turut ditonjolkan bertujuan untuk meletakkan Malaysia bagi mencapai ataupun mengatasi sasaran pendapatan per kapita AS\$15,000 (RM46,500) menjelang 2020. Ia berikutan pencapaian per kapita bagi tahun 2012 yang berjumlah AS\$10,000 melepasi jangkauan sebelumnya iaitu AS\$8,900. Malahan dalam usaha memenangi PRU13, Najib Razak juga telah menyatakan bahawa kerajaan BN telah berjaya mewujudkan 66 peratus peluang pekerjaan dengan sejumlah 800,000 pekerjaan diwujudkan pada tahun 2012 daripada 3.3 juta yang disasarkan menjelang tahun 2020.

Selain itu, menerusi Program Transformasi Politik (PTP), BN telah membatalkan Ordinan Darurat, selain daripada memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), menghapuskan lesen kawalan penerbitan akhbar, serta menarik balik larangan pelajar daripada menyertai parti politik dan pengkajian semula Akta Hasutan. Satu lagi inisiatif yang cukup dibanggakan oleh Najib Razak ialah pada tahun 2009 negara diperkenalkan dengan inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Ia membabitkan Tujuh (7) NKRA yang melibatkan usaha menangani kos sara hidup rakyat, mempertingkatkan taraf kehidupan isi rumah berpendapatan rendah, mempertingkatkan infrastruktur asas luar bandar, mempertingkatkan pencapaian pelajar, mempertingkatkan pengangkutan awam bandar, mambanteras rasuah dan NKRA yang menjurus terhadap pengurangan jenayah (Nazura, 2013; Junhairi Alyasa, 2013).

Walaupun prestasi BN terus merudum, namun UMNO sebaliknya terus mendominasi dan menerajui kerajaan BN di Parlimen apabila penguasaan kerusi meningkat dari 79 (PRU12) kepada 88 (PRU13) sekaligus menonjolkan penguasaan UMNO lebih dua pertiga daripada

jumlah keseluruhan yang dimenangi oleh BN iaitu 133 kerusi Parlimen (Kessler, 2018). Manakala prestasi parti-parti komponen BN iaitu Malaysian Chinese Association (MCA), Malaysian Indian Congress (MIC) serta Parti Gerakan terus merudum dan memberikan dominasi utama kepada UMNO khususnya dalam menerajui kerajaan. Secara sepintas lalu BN terus memperolehi mandat mentadbir negara dengan status quo tidak dicabar iaitu UMNO yang dipimpin oleh Najib Razak selaku Perdana Menteri serta pengekal polarisasi politik dalam negara. Ia adalah *realpolitik* UMNO yang mengatasi lain-lain parti komponen yang bernaung di bawah BN. Namun jika pengamatan dilakukan jelas bahawa PRU13 sebenarnya telah mengubah lanskap politik negara (Welsh, 2018). Secara langsung telah menyebabkan keretakan hegemoni BN, kemunculan politik baru yang dipacu oleh teknologi komunikasi atau kini lebih dikenali sebagai media sosial serta penolakan terhadap politik perkauman yang diamalkan oleh UMNO.

PRU13 turut memperlihatkan prestasi tidak memberangsangkan khususnya yang melibatkan kredibiliti MCA dan Gerakan yang dikatakan gagal menarik sokongan dan undi masyarakat Cina terhadap BN. Ia kemudiannya telah mencetuskan terminologi “Tsunami Cina” yang dinyatakan secara terbuka oleh Najib Razak sekaligus mempopularkan terma “Apa lagi Cina mahu” hasil laporan akhbar *Utusan Malaysia* bertarikh 7 Mei 2013 telah mendatangkan pelbagai reaksi dalam kalangan masyarakat. Ia menggambarkan penarikan sokongan masyarakat Cina terhadap UMNO/BN dan mereka seharusnya dipersalahkan. Penggunaan patah perkataan *Tsunami Cina* kelihatannya lebih tertib tetapi secara tersirat ialah ia merujuk kepada pengkhianatan masyarakat Cina atau lebih tepat lagi “derhaka cina” (Kessler, 2018). Tidak dapat dinafikan bahawa sememangnya masyarakat Cina telah menolak BN dalam PRU13 tetapi yang lebih utama ialah penolakan berkenaan adalah sejak dari PRU12 yang menyaksikan MCA dan Gerakan menerima kesannya. Terdapat juga pemimpin UMNO yang kalah dalam PRU13 yang turut menyalahkan pengundi cina dengan mengatakan mereka tidak berterima kasih di atas perkhidmatan dan usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan BN (Johns, 2014). Bertitik tolak daripada trend pengundian berasaskan

polarisasi kaum yang dikesan menerusi PRU13, BN menerusi Najib Razak telah melontarkan akan kepentingan mengatasinya menerusi Pendamaian Nasional:

“The polarisation in this voting trend worries the government. We are afraid that if this is allowed to continue, it will create tensions...One of the programmes we will undertake (as the elected government) is national reconciliation”

(Anand, 2013a; Shahanaaz & Farik, 2013)

Pendamaian Nasional direalisasikan menerusi penubuhan Majlis Konsultasi Perpaduan Nasional (MKPN) yang bertanggungjawab menyelesaikan isu berkaitan polarisasi kaum dan agama di Malaysia khususnya pasca PRU13. MKPN diharapkan dapat menyatu serta merapatkan kembali hubungan antara rakyat berbilang bangsa dan agama sekaligus membangunkan negara. Penerangan yang lebih terperinci telah diberikan oleh Najib Razak ketika sidang parlimen pada 25 Jun 2013 terhadap soalan yang dikemukakan oleh Lim Kit Siang (DAP-Gelang Patah). Menerusi MKPN juga ia memberikan peluang kepada orang awam, ahli akademik serta wakil parti politik daripada pihak kerajaan dan juga pembangkang untuk menyertainya (Ariffuddin, 2013). Namun perkara pokok menerusi pendamaian nasional ialah perlunya penerimaan keputusan PRU13 oleh blok pembangkang iaitu PR (Zulaikha, 2013).

Setelah memenangi PRU13, kerajaan BN telah menerima sentuhan awal pembangkang iaitu menerusi siri *Himpunan Black Out 505*. Ia diadakan berikutan dakwaan BN telah *mencabuli* PRU13 berikutan dengan keputusan-keputusan yang meragukan selain daripada isu berkaitan dengan pengundi hantu, gangguan bekalan elektrik dan penggunaan dakwat kekal. Sebanyak 15 perhimpunan yang serupa telah diadakan

sebagai membantah keputusan PRU-13 dengan PR melabelkan BN telah merompak kemenangan yang sepatutnya dimiliki oleh PR. Himpunan pertama berlangsung pada 8 Mei 2013 bertempat di Kelana Jaya telah disertai lebih 80,000 orang (Mohd Nawab, 2015). Sementara itu dalam perhimpunan kedua yang berlangsung di Bukit Mertajam pada 11 Mei 2013 turut menarik jumlah penyertaan yang sama (Netto, 2013). Keadaan ini secara langsung memberikan isyarat kepada BN bahawa mandat yang mereka perolehi dalam PRU13 bukanlah jitu dan mapan. Ia ditambahkan pula dengan isu-isu yang melengkari perjalanan pilihan raya khususnya yang melibatkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Berikutan penolakan itu menyebabkan BN yang diterajui oleh Najib Razak telah menyuntik elemen *represif* khususnya yang menyaksikan pengenalan semula undang-undang yang membenarkan penahanan tanpa bicara (Sipalan, 2013). Rentetan daripada PRU13 sehingga PRU14 jelas menunjukkan BN adalah ditolak oleh rakyat.

Setelah PRU13 2013, terdapat sebanyak 13 pilihan raya kecil yang telah diadakan di beberapa buah negeri di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Ia menyaksikan BN memenangi lapan dan Pakatan Rakyat (PR) memenangi lima buah kerusi dalam pilihan raya berkenaan. Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN Kuala Besut yang diadakan pada 24 Julai 2013 dimenangi oleh (BN-UMNO), DUN Sg. Limau (PR-PAS), DUN Kajang (PR-PKR), DUN Balingian Sarawak (BN-PPBM), Parlimen Bukit Gelugor (PR-DAP), Parlimen Telok Intan (BN-Gerakan), dan DUN Pengkalan Kubor (BN-UMNO). Pada 22 Mac 2015 PRK DUN Chempaka telah diadakan dan dimenangi oleh (PR-PAS), Parlimen Rompin (BN-UMNO), Parlimen Permatang Pauh (PR-PKR), Parlimen Sungai Besar (BN-UMNO), Parlimen Kuala Kangsar (BN-UMNO) dan DUN Tanjong Datu dimenangi oleh BN-PBB.

Berdasarkan pengamatan dan analisis terhadap data berkaitan pengundi berdaftar, didapati sejak PRU11 hinggalah PRU14 menunjukkan peningkatan jumlah. Malahan dalam PRU12, jumlah pengundi muda berusia di antara 21 hingga 39 tahun adalah berjumlah 600,000 telah meningkat kepada 5,562,129 pemilih (41.98%) daripada jumlah keseluruhan 13,268,002 dalam PRU13. Jumlah pengundi muda dalam PRU14 terus menunjukkan peningkatan iaitu berjumlah

7.09 juta daripada 14,940,624 keseluruhan pengundi. Kebanyakan pengundi muda adalah lebih mesra Internet menjadikan mereka lebih terkehadapan dari segi dapatan maklumat dan tidak bergantung sepenuhnya kepada maklumat yang didominasi sebelumnya menerusi media tradisional. Berikutan itu, ia menyaksikan PRU13 bukan sekadar berlegar dalam negara tetapi ia adalah merentasi sempadan dunia berikutan jaringan Internet yang menghubungkan pelbagai platform laman sesawang dan blog yang membicarakan PRU13 (Arakaki, 2013).

Jika pembahagian dilakukan mengikut komposisi kaum pengundi bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia keseluruhannya berjumlah 11,177,742 dan 2,090,260 adalah merujuk kepada mereka yang berdaftar di Borneo Malaysia. Jika ditinjau dari julat peningkatan pengundi berdaftar bagi PRU13 dan PRU14 adalah berjumlah 1,672,622. Dengan kaum wanita terus meningkat iaitu 50.23% kepada 50.5% masing-masing bagi PRU-13 dan PRU14. Sementara itu berlaku penurunan sebanyak 0.27% bagi kaum lelaki yang berdaftar dalam PRU14 hanyalah 49.5% berbanding 49.77% bagi PRU13. Satu perkara yang cukup signifikan bagi PRU-13 ialah peranan yang dimainkan oleh pengundi muda yang lebih terbuka dalam memilih parti politik atas kepentingan umum dan bukannya merujuk kepada kepentingan kaum dan agama. Selain itu mengikut kajian awal yang dilaksanakan oleh *Merdeka Centre* sekitar 2012 dan 2013 menunjukkan golongan muda adalah bersikap kritikal terhadap prestasi kepimpinan Najib Razak. Jelas bahawa golongan muda telah memainkan peranan yang cukup penting sekaligus memberikan kejayaan kepada PR khususnya dalam memenangi undi popular walaupun gagal mengatasi BN dari jumlah kerusi di peringkat Parlimen (Yang Razali, 2015; Ibrahim, 2013). Malahan berdasarkan kepada penyertaan pengundi dalam PRU13 juga menunjukkan peningkatan sekaligus memberikan petunjuk terhadap apa yang dilabelkan sebagai "*new wave of political awakening*" (Loh, 2013). Pecahan kesemua pengundi berdaftar adalah seperti yang terkandung dalam Jadual 1 dan Jadual 2.

Jadual 1: Komposisi kaum pengundi berdaftar mengikut negeri-negeri di Semenanjung Malaysia PRU-13

Negeri-negeri di Semenanjung	Pengundi Berdaftar	Peratus	Melayu (%)	Cina (%)	India(%)	Lain-lain (%)
Perlis	137,057	1.03	84.35	11.48	1.50	2.67
Kedah	1,041,068	7.85	76.40	15.31	6.77	1.52
Kelantan	918,573	6.92	94.50	3.70	0.30	1.5
Terengganu	634,944	4.79	95.92	3.55	0.25	0.28
Pulau Pinang	846,232	6.38	35.26	53.37	10.89	0.48
Perak	1,406,734	10.60	48.60	37.70	11.66	2.03
Pahang	736,111	5.55	69.73	21.35	4.65	4.27
Selangor	2,048,828	15.44	50.21	34.06	14.39	1.34
WP KL	792,071	5.97	35.50	51.60	11.90	1.00
WP Putrajaya	15,791	0.12	94.70	1.10	3.10	1.10
Negeri Sembilan	555,982	4.19	53.01	30.30	14.85	1.84
Melaka	439,040	3.31	58.34	33.91	6.41	1.34
Johor	1,605,311	12.10	53.71	38.83	6.55	0.91
Jumlah	11,177,742		59.20	30.60	8.70	1.50

Pakatan Harapan pada pra Pilihan Raya Umum ke-14: Rakyat penentu Mandat

Kemenangan yang diperolehi oleh PH ke atas BN adalah amat berharga pada mata rakyat. Ia adalah kerana momokan yang seringkali menyatakan adalah sukar untuk menumbangkan BN menjadikan ia sebagai suatu yang elusif. Namun akhirnya bertukar menjadi kenyataan yang tidak mungkin dapat dinafikan dalam sejarah moden demokrasi Malaysia. Ia kini juga tercatat sebagai mimpi ngeri BN yang bukan sahaja telah mencalarkan rekod pemerintahan mereka selama lebih enam dekad tetapi yang lebih mencemaskan ialah dengan keluarnya parti-parti komponen yang pernah bernaung dan membentuk BN. Maka adalah tidak mengejutkan jika “ibu segala pilihan raya” ini sememangnya memiliki nilai dan kesannya yang tersendiri terhadap rakyat. Satu lagi kejutan yang mendorong kepada kebangkitan rakyat ialah “kemunculan semula” mantan Perdana Menteri ke-4 iaitu Mahathir yang berazam untuk menyingkirkan Najib Razak sekaligus menamatkan penguasaan BN.

Dalam konteks pertembungan kuasa dan pengaruh antara keduanya telah menyebabkan rakyat begitu teruja khususnya dengan kemunculan semula Mahathir dari persaraannya sejak tahun 2003 yang membawa kepada tempoh waktu selama 15 tahun. Melihatkan kepada semangat perjuangan yang ditunjukkan oleh bekas perdana menteri berusia 93 tahun yang berazam untuk menyingkirkan pemerintah yang dilabelkan sebagai “kleptokrat”, ia seumpama obor yang menerangi kegelapan. Kombinasi sokongan rakyat serta populariti Mahathir akhirnya membawa PH ke Putrajaya menerusi kemenangan mereka pada 9 Mei 2018. Bermulalah “Malaysia Baru” di bawah pentadbiran kerajaan PH pimpinan Mahathir yang dikatakan sebagai mustahil dalam usaha terdahulu mereka menumbangkan BN yang juga pernah diterajui oleh oleh beliau selama 22 tahun (1981 – 2003).

Pakatan Harapan dan Perang Psikologi

Perjalanan PH ke Putrajaya bukanlah semudah yang disangka, walaupun Malaysia jelas menerima pakai amalan demokrasi. Berdasarkan kepada perang psikologi, PH telah menerima cabaran awal yang menyatakan mereka tidak mampu mengatasi BN. Antara analisis awal yang telah dijalankan menerusi tinjauan dan komentar politik, ramai yang menyatakan bahawa BN akan memenangi PRU14. Antara organisasi yang terlibat dalam menterjemahkan “kemenangan awal” BN walaupun PRU14 belum berlangsung ialah melibatkan Merdeka Centre dan Kajidata.

Terdapat juga individu-individu yang turut terlibat dalam pengamatan senario politik negara yang menyatakan persetujuan mereka bahawa BN bakal mengungguli PRU14. Antara mereka adalah Thomas Pepinsky dari Cornell University, Jomo Kwame Sundaram dari Institute of Strategy & International Studies (ISIS), James Chin dari Asia Institute, Tasmania University, Syed Arabi Idid dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Sivamurugan Pandian dari Universiti Sains Malaysia serta Jeniri Amir dari Universiti Malaysia Sarawak. Namun begitu analisis mahupun tinjauan serta pandangan awal itu ternyata jauh tersasar. Rakyat telah membuktikan bahawa merekalah yang menentukan mandat akhir yang membawa PH ke Putrajaya.

Dapatan awal berkaitan dengan andaian BN akan terus mempertahankan penguasaannya adalah disebabkan oleh rekod-rekod kejayaan silam yang dipegangnya sehingga tempoh 60 tahun bermula dengan Perikatan dan seterusnya dilanjutkan dengan BN. Berdasarkan kepada rekod kejayaan lampau BN sememangnya telah membuktikan kemampuan dalam menghadapi cabaran sengit pembangkang sejak awal tahun 1990an lagi. Antaranya yang melibatkan Parti Semangat 46 yang bergabung dengan PAS bagi membentuk pakatan politik yang dikenali sebagai Angkatan Perpaduan Ummah (APU). BN yang ketika itu dikemudikan oleh Mahathir telah berjaya mengalahkan parti pimpinan Tengku Razaleigh Hamzah sehingga menyaksikan kemasukan semula anggota Semangat 46 ke dalam UMNO.

Cabaran BN dan UMNO khususnya tampak teguh tanpa adanya parti pembangkang yang dapat memecah hegenomi BN sehingga terjadinya krisis politik 1998 yang melibatkan Mahathir dan Datuk Seri Anwar Ibrahim (selepas ini Anwar Ibrahim) sehingga melahirkan PKR. Namun dalam PRU-10 yang diadakan pada tahun 1999, ditengah gelora kebangkitan Reformasi, PKR serta parti-parti pembangkang seperti PAS dan DAP tetap gagal untuk menumbangkan BN. Begitu juga percubaan seterusnya dalam PRU11 (2004), PRU12 (2008) dan PRU13 (2013) pembangkang tetap gagal dalam cubaan mereka. Persoalan akan kemampuan PH merampas Putrajaya yang merupakan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan kini telahpun terjawab. Walaupun gagal dalam tiga percubaan awal tetapi mereka berjaya akhirnya.

Adalah jelas bahawa perang psikologi yang menimpa PH adalah berkaitan dengan penonjolan imej BN khususnya dari sudut kehebatannya. Untuk tujuan itu, usaha-usaha yang melibatkan legitimasi akan kedudukan BN yang lebih baik berbanding dengan parti-parti pembangkang telah dijalankan dan memihak kepada mereka. Antaranya ialah dengan menyatakan bahawa BN yang dikemudikan oleh UMNO adalah lebih bersiap sedia bersama dengan 14 parti komponennya dalam menghadapi PRU14 berbanding dengan PH. Malahan PH juga dikatakan masih belum menemui rentak atau titik persamaan antara mereka. Ini dikatakan akan menyukarkan mereka dalam membentuk persefahaman dan kesepaduan yang mampu untuk menyaingi BN. Ia juga dinilai berdasarkan kepada kegagalan penerusan kerjasama awal antara pembangkang yang menyaksikan terkuburnya Pakatan Rakyat pada Jun 2015.

Satu lagi tamparan hebat menjelang PRU14 yang dihadapi oleh PH ialah melibatkan perintah pembubaran sementara Bersatu oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) pada 5 April 2018. Ia adalah berdasarkan kepada Seksyen 14(5) Akta Pertubuhan 1966 yang memperuntukkan Bersatu menyerahkan semua dokumen yang diperlukan oleh ROS dalam tempoh 30 hari. Selain itu penggunaan nama dan logo Bersatu juga tidak dibenarkan selama tempoh pembubaran sementara. Berikutan dengan tindakan yang dikenakan ke atas Bersatu secara langsung memberikan kesan kepada pendaftaran dan penggunaan logo PH bagi mewakili semua parti-parti pembangkang yang bernaung di bawahnya. Walaupun permohonan bagi mendaftarkan PH sebagai pertubuhan parti yang sah telah diserahkan kepada ROS pada 28 Julai 2017 namun ia turut berhadapan dengan masalah dalaman yang melibatkan bukan sahaja Bersatu tetapi juga DAP. Bagi Bersatu, mereka dikatakan belum menyerahkan semua maklumat dan dokumen mengikut Seksyen 13(2) Akta Pertubuhan 1966 sementara DAP pula dikatakan tidak mengemukakan laporan akhir pemilihan semula Jawatankuasa Tertinggi Pusat (CEC) yang baharu. Berikutan dengan kekangan yang dihadapi menyebabkan pada 6 April 2018 diputuskan bahawa semua parti-parti pembangkang bakal menggunakan logo PKR yang diumumkan oleh Pengerusi Pakatan Harapan iaitu Mahathir ketika ceramah yang diadakan di Pasir Gudang, Johor.

Tun Mahathir Kembali Berpolitik

Tahun 2015 adalah tahun yang cukup mencabar khususnya bagi pembangkang di Malaysia apabila mereka yang ketika itu dikenali sebagai Pakatan Rakyat (PR) telah diuji dengan pelbagai peristiwa yang akhirnya membawa kepada terkuburnya PR. Selain daripada konflik dalaman yang menyaksikan pertembungan dalaman di antara DAP dan PAS, PR juga telah kehilangan tonggak politikus yang berpengalaman dengan kematian Mursyidul Am PAS, Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat pada bulan Februari 2015. Selain itu PR juga menerima tamparan apabila Anwar Ibrahim yang merupakan tonggak kekuatan kepada PKR telah dipenjarakan selama lima tahun pada tahun yang sama (Nadzri, 2019). Kemelut kepimpinan dan krisis yang melanda PR akhirnya menemui titik penyudah dengan terkuburnya PR pada 16 Jun 2015

dan kemudiannya telah digantikan dengan PH menerusi pengumuman yang dibuat oleh Presiden PKR Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail pada tahun yang sama.

Namun tahun 2015 juga turut menyaksikan kembalinya Mahathir ke dalam arena politik negara dengan menjadikan Najib Razak sebagai sasaran kritiknya. Ia bermula menerusi *posting* Mahathir dalam blognya *chedet.cc* bertarikh 18 Ogos 2014 yang menyatakan bahawa beliau terpaksa menarik balik sokongan kepada Najib Razak berikutan prestasinya yang tidak dapat mengatasi Abdullah Badawi. Seterusnya Mahathir turut telah melampiaskan kritikkannya terhadap isu-isu seperti pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST), pemberian wang Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) serta kritikan terhadap pentadbiran Najib Razak yang dikatakan tidak mengutamakan projek-projek yang memiliki kepentingan utama kepada negara.

Mahathir telah juga mengkritik isu berkaitan dengan salahlaku pengurusan kewangan negara yang membabitkan 1Malaysia Development Board (1MDB) yang melibatkan RM2.6 bilion yang dimasukkan ke dalam akaun peribadi Najib Razak ketika memegang tampok pemerintahan negara sehingga membawa kepada Deklarasi Rakyat pada 4 Mac 2016 yang antara lainnya menuntut agar Najib Razak meletak jawatan dan menyentuh aspek kebebasan bersuara dan media di Malaysia. Rentetan daripada siri-siri “serangan” terhadap Najib Razak telah menyaksikan tindakan drastik diambil oleh kerajaan, antaranya ialah dengan menamatkan pelantikan Mahathir sebagai penasihat Petronas. Malahan satu daripada faktor penolak awal kepada keagresifan Mahathir terhadap kerajaan pimpinan Najib Razak sekitar 2016 boleh dikatakan dengan adanya cabaran kepada beliau untuk menubuhkan parti politik baharu oleh Pengerusi Kelab Penyokong Barisan Nasional (BNBBC) iaitu Tan Sri Shahrir Samad berikutan sambutan yang diterima oleh Mahathir menerusi Deklarasi Rakyat yang berjumlah 1.2 juta.

Dengan kembalinya Mahathir ke kancah politik negara telah memberikan denyut politik baru khususnya kepada gerakan pembangkang ketika itu iaitu PH. Sokongan terhadap kembalinya Mahathir jelas kelihatan

menerusi kehadiran para pemimpin pembangkang dari PKR dan DAP serta bekas pemimpin UMNO yang telah disingkirkan oleh Najib Razak menerusi Deklarasi Rakyat (Nadzi, 2019). Keadaan berkenaan akhirnya membawa kepada tertubuhnya Parti Pribumi Bersatu Malaysia pada 8 September 2016.

PRU14 dan pengundi muda

PRU14 sememangnya berbeza dengan PRU13 dan PRU12 apabila ia menyaksikan peningkatan jumlah pengundi khususnya yang melibatkan golongan muda. Dianggarkan terdapat lebih lima juta pengundi muda melibatkan kategori usia 21 hingga 39 tahun berbanding dengan tiga juta dan 600,000 pengundi muda masing-masing bagi PRU13 dan PRU12 (Loh, 2018; Periasamay, 2018). Ia turut menyaksikan bagaimana penumpuan awal diberikan oleh BN dan PH dalam mendepani sekaligus cuba memenangi sokongan kelompok ini yang mewakili 50 peratus daripada populasi penduduk di Malaysia serta dalam masa yang sama mewakili 60 peratus pengundi dalam PRU14. Malahan dianggar seramai dua juta pengundi muda akan menunaikan tanggungjawab mereka sebagai pengundi buat kali pertama yang menyumbang kepada 20 peratus daripada jumlah keseluruhan pengundi berdaftar iaitu 14,622,640.

Proses memperolehi sokongan daripada pengundi muda jelas tampak sebelum PRU14 berlangsung apabila mantan Perdana Menteri iaitu Najib Razak menyatakan komitmen dan fokus terhadap Kanvas Belia TN50 serta Buku Harapan PH yang jelas memfokuskan kepada pengundi muda. Pelbagai telahan, analisis dan perbandingan telah dilakukan dalam memperlihatkan keupayaan pengundi muda dalam mempengaruhi keputusan PRU14 disebabkan jumlah mereka yang agak besar. Menurut Periasamy (2018) dapatan menunjukkan walaupun pihak pembangkang seringkali menyatakan pengundi muda menyokong mereka namun berdasarkan keputusan dalam PRK yang berlangsung selepas PRU13 menunjukkan pengundi muda adalah seimbang dan menyokong BN. Keadaan ini diperkukuhkan lagi menerusi keupayaan Najib Razak menerusi Program Transformasi Negara yang telah berjaya mewujudkan sekitar 1.8 juta pekerjaan di antara tahun 2010 sehingga 2016.

Namun begitu suatu yang jelas dan tidak diperakui oleh BN ialah menerusi PRU12 dan PRU13 mereka sebenarnya telahpun kehilangan sokongan daripada pengundi muda (Welsh, 2018). Keadaan yang sama turut berlaku dalam PRU14 apabila BN terus kehilangan sokongan daripada pengundi muda apabila hanya memperolehi 28 peratus sokongan pengundi di bawah umur 30 tahun. Sebagaimana yang dikatakan oleh Welsh:

This raises a serious question for the longevity of the party over time, as given long – standing party loyalties in Malaysia, erosion among younger voters undercuts growth of support for UMNO over time. It is starting with a narrower base among younger voters, who are making up a larger share of the electorate. This trend does not bode well for the party electorally, especially as it is out of government and lacks the same capital to woo younger voters.

(Welsh, 2018:17)

Pengundi Cina tolak BN

Isu berkaitan dengan pengundi Cina yang menolak BN adalah antara satu daripada punca yang menyebabkan BN tersungkur dalam PRU14. Ia bukanlah sesuatu yang luar biasa kerana penolakan berkenaan telahpun jelas terlihat sejak PRU12 yang menyaksikan BN yang diterajui oleh Abdullah Badawi gagal mengekalkan prestasi cemerlangnya. Prestasi hambar yang ditunjukkan oleh BN khususnya parti MCA dalam mendapatkan sokongan orang-orang Cina terutamanya daripada golongan belia Cina jelas menunjukkan MCA sudah tidak relevan (Ooi, 2008:23). Satu trend yang cukup menyakinkan daripada dapatan analisis akan sokongan pengundi Cina yang semakin menjauh daripada BN ketika PRU12 ialah menunjukkan pola pengundian yang memihak kepada pembangkang berdasarkan kepadatan mereka. Semakin meningkat orang Cina dalam sesebuah kawasan pilihan raya semakin tinggi sokongan yang diperolehi pembangkang (Amer Saifude dan Zulkarnain Abdul Rahman, 2011: 61). Malahan sokongan orang-orang

Cina juga menunjukkan mereka menyokong calon pembangkang yang datangnye dari orang Melayu dan India serta mengundi berasaskan pakatan parti pembangkang iaitu PR. Jika penelitian dilakukan secara menyeluruh, dapat dilihat akan penurunan sokongan pengundi-pengundi Cina terhadap parti-parti komponen Cina yang bernaung di bawah BN.

Jadual 2
Peratusan Undi Calon Pembangkang, Parlimen, 1995 – 2008

Negeri	1995	1999	2004	2008	Perubahan 2004 - 2008
Perlis	31.5	43.8	36.3	39.9	+3.6
Kedah	35.3	44.2	40.2	53.2	+13.0
Kelantan	56.7	60.9	48.7	55.0	+6.3
Terengganu	45.4	58.7	43.6	44.7	+1.1
Pulau Pinang	39.0	48.4	43.2	63.0	+19.8
Perak	31.7	44.1	40.5	53.3	+12.8
Pahang	28.4	42.6	32.3	40.5	+8.2
Selangor	24.7	44.8	34.0	55.4	+21.4
WP KL	41.1	49.4	41.2	62.0	+20.8
Putrajaya	-	-	11.7	24.4	+12.7
N. Sembilan	29.7	40.8	30.1	45.1	+15.0
Melaka	31.7	43.4	28.8	42.6	+14.3
Johor	20.5	27.1	20.4	34.7	+14.3
Semenanjung	33.4	44.4	36.2	50.2	+14.0

Sumber: Philip Khoo, *Aliran Monthly* 28, No. 3 (2008):4

Jika diteliti daripada peratusan yang melibatkan undi terhadap calon pembangkang di parlimen sejak tahun 1995 hingga 2008 menunjukkan peningkatan bagi setiap negeri sekaligus juga menjadi penyebab kepada kehilangan empat buah negeri kepada PR. Trend yang dapat dilihat adalah menunjukkan daripada tahun 1995 sehingga 2008 hampir setiap negeri meningkat. Satu yang ketara ialah berlaku peningkatan melibatkan Pulau Pinang dan Perak yang masing-masing menunjukkan peningkatan 19.8 dan 12.8 peratus. Bagi negeri seperti Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pula menunjukkan peningkatan masing-masing pada kadar 21.4 dan 20.8 peratus. Realitinya, kesemua negeri-negeri yang dinyatakan telah jatuh ke tangan PH dalam PRU12. Selain itu terdapat bukti jelas menunjukkan berlakunya penyusutan

sokongan orang-orang Cina terhadap BN adalah seperti yang dapat dilihat menerusi Jadual 3. Malahan didapati pengundi India juga turut terlibat dalam menyokong parti pembangkang dengan sokongan yang menurun ditunjukkan terhadap parti MIC. Berdasarkan kepada Jadual 3 jelas menunjukkan pola perubahan sokongan yang diberikan oleh pengundi Cina dan India yang menunjukkan berlaku penurunan yang mendadak bagi kedua kaum terbesar itu. Perubahan yang berlaku itu tidak mampu untuk dinilai oleh BN dan UMNO khususnya sehinggalah membawa kepada PRU14. UMNO enggan menerima hakikat bahawa ia telah hilang sentuhan di kalangan pengundi-pengundi (Funston, 2018:168).

Jadual 3
Undi Melayu, Cina dan India Pada BN

	1995	1999	2004	2008	Perubahan 2004 - 2008
Melayu	69%	53%	63%	58%	5%
Cina	56%	62%	65%	35%	30%
India	96%	75%	82%	47%	35%

Sumber: The Straits Times, 11 Mac 2008

PRU 14 turut memperlihatkan bagaimana Najib Razak sebagai Pengerusi BN cuba untuk menarik sokongan pengundi cina menerusi kempen-kempen yang berlangsung. Antaranya ialah menerusi janji yang dibuat berkaitan dengan pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC) sekiranya BN diberikan mandat kukuh. Malahan peringatan turut diberikan oleh beliau kepada pengundi untuk menyokong calon Cina BN dalam usaha memastikan lebih ramai wakil orang Cina di dalam kerajaan. Penyimpangan pengundi Cina daripada berkiblatkan BN sebenarnya tampak jelas sejak PRU13 dan ia dilampiasikan sehingga PRU14. Menurut Kadir Jasin, PRU 13 telah menampakkan keutamaan yang begitu besar dan ketara diberikan kepada pengundi minoriti iaitu:


Dalam mengejar undi Cina dan India itu, Mohd Najib melakukan pelbagai tindakan dan melancarkan pelbagai rancangan yang ditujukan kepada dua masyarakat minoriti itu sehingga mencetuskan gambaran bahawa beliau tidak begitu mepedulikan kepentingan dan perasaan orang Melayu. Sedangkan kalau hendak dikira, memujuk orang Melayu adalah lebih utama kerana banyak ahli dan penyokong UMNO berpaling tadah memangkah pembangkang atau tidak keluar mengundi pada 2008 kerana meluat terhadap pentadbiran Abdullah.

(Kadir Jasin, 2013:20)

Internet dan Kepentingannya

Revolusi yang paling terkesan dalam abad ke-21 adalah membabitkan teknologi Internet yang telah mengubah kehidupan manusia. Evolusi yang bermula pada abad ke-20 sebenarnya telah memberikan impak yang amat besar khususnya dari sudut capaian maklumat sekaligus memberikan cabaran kepada kewartawanan. Internet telah “menghalalkan” terminologi “Wartawan Warga” atau *Citizen Journalist* kepada mereka yang memiliki akses atau capaian Internet. Ia secara langsung telah menghakis kredibiliti kewartawanan dan yang lebih utama adalah membabitkan *raison d’etre*. Kenyataan ini disokong dengan angka yang menunjukkan untuk sepanjang dekad pertama abad ke-21 jumlah manusia yang memiliki capaian Internet adalah berjumlah hampir 2 bilion (Schmidt & Cohen 2013). Malahan Internet juga telah dianggap sebagai alat yang berupaya membantu dalam mobilisasi sosial (McCaughey & Ayers 2003). Namun begitu, cabaran yang ada perlu digalas, memandangkan dinamisme kewartawanan pada hari ini adalah turut terkesan oleh dinamisme teknologi komunikasi yang memungkinkan maklumat disebar luas tanpa sebarang kekangan ataupun halangan.

Jika diteliti dari aspek jumlah pengguna Internet khususnya di Asia ia boleh dibahagikan kepada sepuluh negara di Asia yang tertinggi jumlah penggunaan Internetnya sehingga pertengahan Mei 2020. Daripada semua negara berkenaan China menduduki tangga teratas dengan jumlah pengguna Internetnya di Asia adalah mewakili 37.1 peratus diikuti dengan India dengan jumlah 24.3% pengguna. Manakala Indonesia yang diperakui sebagai antara negara yang ramai penduduknya di Asia Tenggara menduduki tempat ketiga dengan jumlah peratusannya ialah 7.4 dan negara matahari terbit iaitu Jepun menyumbang kepada 5.2 peratus pengguna Internet di Asia. Adalah jelas bahawa sejak 1990an, Internet telah mendapat tempat khususnya di dalam aspek yang membabitkan kesannya ke atas persekitaran ekonomi, sosial dan politik. Tren ini semakin menunjukkan peningkatan setiap tahun. Berdasarkan kepada Rajah 1, terdapat lain-lain negara di Asia yang telah turut menyumbang kepada penggunaan Internet iaitu membabitkan Bangladesh (4.2 peratus), Filipina (3.4 peratus), Pakistan (3.1 peratus dan Vietnam (3 peratus).



Rajah 1: Statistik pengguna internet tertinggi Asia pada 2020 (Statista, 2021)

Perkembangan yang berlangsung ketika ini dari sudut statistik pengguna Internet sebenarnya telah turut berlaku di peringkat awal di Malaysia. Berlaku trend peningkatan pengguna Internet khususnya yang melibatkan dari tahun 1998 sehingga 2004. Peningkatan yang berlaku ketika itu memberikan isyarat penyertaan awam disebabkan oleh pergolakan politik tempatan yang membolehkan khalayak awam menerokai ruang siber dalam usaha mereka sama ada memahami situasi semasa mahupun keterlibatan secara langsung dalam arena politik (Tan, 2010).

Suatu kesan signifikan yang boleh dikatakan ialah perkembangan mutakhir jelas menunjukkan media sosial telah mencapai satu tahap yang tinggi penerimaannya berbanding di peringkat awal pengenalannya. Ia melibatkan aspek seperti sistem interaktif awam yang merujuk kepada pengemblengan menyeluruh yang memberikan satu arena kepada pengguna, penganalisis dan sistem yang menjadikannya satu bentuk penganalisan (Hamidi & Baljko, 2012). Media sosial telah mentransformasikan masyarakat sama ada di peringkat mikro mahupun makro dengan membolehkan berlakunya komunikasi yang berulang sifatnya. Umpamanya pada peringkat mikro, individu-individu boleh menjejaki rakan-rakan dan ahli-ahli keluarga secara harian. Mereka juga dapat berkongsi pelbagai maklumat, memberikan komentar terhadap topik-topik yang mereka gemari. Dari perspektif makro pula, media sosial telah membenarkan himpunan massa; membantu berlakunya tentangan dan revolusi di seluruh dunia (Paslawsky, 2012).

Kewartawanan Pemertikaian dan Keretakan Hegemoni Negara

Apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan “kewartawanan pemertikaian” atau “contentious journalism”. Kewartawanan pemertikaian adalah satu bentuk pelaporan berita atau penulisan yang rata-ratanya didokong oleh media alternatif yang kebanyakannya berpaksikan kepada Internet. Dalam konteks yang lebih mudah adalah melibatkan peredaran maklumat menerusi media sosial yang dipacu oleh teknologi Internet. Jika diamati kehadiran media sosial secara langsung telah mencabar pemingkanaan persetujuan dan pengekal “status-quo” yang selama ini dilorong dan dibentuk oleh kebanyakan media arus

perdana. Khususnya yang berkaitan dengan dasar, polisi mahupun aspek kenegaraan yang telah diterima pakai sejak kemerdekaan negara. Dalam konteks ini, jelas bahawa kewartawanan pemertikaian adalah bersifat menongkah arus berlawanan dengan media arus perdana. Falsafah kewartawanan pemertikaian yang digerakkan menerusi media sosial boleh dikatakan sebagai menjengkelkan, tidak bertanggungjawab malahan boleh dianggap sebagai biadap. Ia adalah pandangan yang dilemparkan oleh pandangan *mainstream* terhadap mereka yang mendokong kewartawanan pemertikaian.

Keterlibatan golongan wartawan yang menggerakkan kewartawanan pemertikaian bagi penyokongnya adalah bersifat kontradiksi. Mereka adalah disanjung kerana keberanian dalam mencabar kewartawanan arus perdana sekaligus menunjukkan kematangan dalam mendepani arus politik negara. Kadar keterlibatan dalam isu-isu yang membabitkan kepentingan umum dan negara adalah menjadi nadi utama kewartawanan pemertikaian. Hal itu juga membentuk keterlibatan mereka dalam proses pendemokrasian di Malaysia. Internet sememangnya telah membantu secara langsung pendemokrasian dan pemain-pemainnya bukan lagi bersifat eksklusif.

Susur galur yang menjadi pemangkin kepada penggunaan Internet yang menjurus kepada kekalutan serta keretakan hegemoni negara bermula dengan peristiwa yang melibatkan pergolakan kepimpinan dalam Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (PEKEMBAR) atau UMNO pada September 1998. Iaitu yang menyaksikan penyingkiran dan terpenjaranya Anwar Ibrahim atas salah laku rasuah. Insiden yang tidak pernah terjangka itu bukan sahaja telah mengubah lanskap politik Malaysia tetapi juga telah menyaksikan pemusatan pengawalan maklumat dan penyebaran maklumat oleh media arus perdana dan peningkatan desakan terhadap kebebasan bersuara dan terjahan media sosial yang mendokong jurnalisme pemertikaian.

Insiden yang membabitkan Anwar Ibrahim khususnya gerakan Reformasi yang digerakkan menerusi Internet telah memberikan kesan kepada penggunaan Internet secara menyeluruh.

Ini jelas kelihatan menerusi kenyataan (M.G.G. Pillai, 2001) yang merupakan editor kepada *Sang Kancil* yang merupakan platform diskusi politik tempatan telah menyatakan:

... In 1996, I began a local discussion group called Sang Kancil... for its first two years [it] drifted along with a few hundred subscribers. It was listless and dragged on, mainly with my daily political commentaries. Then in September 1998, the whole scene changed... Anwar's supporters went out into the streets... [and] hundreds of websites came out in support of the detained politician.

Penjelasan yang diberikan oleh M.G.G. Pillai jelas menunjukkan perubahan ketara yang melibatkan jumlah pengguna Internet sebelum insiden dan selepas insiden yang membabitkan Anwar Ibrahim. Ia bukan hanya melibatkan dari aspek jumlah penggunaan Internet tetapi turut dizahirkan menerusi kemunculan laman-laman sesawang yang menyokong Anwar Ibrahim. Menurut Abbott (2004) dengan pengguguran dan penahanan Anwar Ibrahim telah menyebabkan peningkatan pengguna Internet di Malaysia sebagai tanda bantahan dan didapati hanya dalam beberapa bulan sahaja terdapat lebih 50 laman sesawang pro-Anwar muncul dan menyebarkan surat-surat Anwar dari penjara, persekitaran demonstrasi yang berlaku sehinggalah kepada pelaporan berita asing berkaitan krisis politik yang membabitkan Anwar Ibrahim.

Menurut Rodan (2004), apa yang berlaku adalah kebanyakan daripada media yang dikuasai oleh kerajaan menerima tamparan yang amat hebat apabila mengalami kejatuhan dari aspek pengedaran sekaligus mengugat kredibiliti media arus perdana. Ketika itu ia mula menampakkan bibit-bibit penolakan terhadap media arus perdana kerana kredibiliti dan kejujuran pelaporan mereka adalah diragui. Atas sebab itu ia menyaksikan peningkatan jumlah penggunaan Internet yang merasakan ia adalah sumber yang paling tepat dan boleh dipercayai. Premis ini diperkukuhkan lagi dengan penguasaan media

oleh kerajaan sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Penolakan itu memiliki asas yang cukup kuat dan laman sesawang *Anwar On-line* sebagai contoh menjadi sumber utama maklumat kepada para penyokong dan mereka yang bersimpati dengannya.

Dalam konteks ini, Abbott (2004) menyatakan laman sesawang reformasi pertama yang dilancarkan iaitu *Anwar On-Line* pada 1 September 1998 telah menerima hampir sejuta pelawat dalam masa tiga hari. Malahan dalam tempoh beberapa bulan sahaja jumlah laman sesawang yang pro-Anwar dan pro-reformasi telah tumbuh bagaikan cendawan. Bertitik tolak dari sini bermulalah era Internet sebagai saluran komunikasi dan maklumat bagi pembangkang di Malaysia sekaligus menjadi sumber berita alternatif di Malaysia. Perkembangan yang berlangsung tidak terhenti dan ianya menjadi lebih jelas apabila menjelang 29 November 1999, jumlah pengguna Internet di Malaysia adalah melebihi 500,000 dan menjelang 2002 jumlah keseluruhannya mencecah dua juta pengguna Internet.

Trend yang berlangsung pada peringkat awal antara tahun 1998 hingga 2002 jelas menunjukkan semakin ramai rakyat Malaysia yang mengeneipkan sumber maklumat dan pemberitaan yang dihasilkan oleh media arus perdana. Ia juga menunjukkan telah wujud trend baru yang lebih menjurus dan menerima media alternatif atau kini media sosial yang bukan bertunjangkan arus perdana. Jelas kepada kita bahawa kemunculan media alternatif pada peringkat awal adalah didokong oleh parti politik pembangkang dan aktivis-aktivis politik (Chen 1999c).

Kesimpulan

Adalah jelas bahawa perubahan telah berlaku dalam kalangan masyarakat Malaysia khususnya yang melibatkan aspek penyertaan awam berkaitan dengan politik negara. Situasi yang sebelum ini bermula sejak PRU12 sehingga membawa kepada PRU14 dizahirkan menerusi peningkatan penggunaan Internet dalam kalangan masyarakat Malaysia dibantu pula dengan rangkaian teknologi komunikasi yang disediakan oleh pemerintah menjadikannya bertukar menjadi duri dalam daging. Dalam hal ini fenomena yang berlangsung di Malaysia yang melibatkan latar politik

dengan faktor-faktor yang menjurus kepada penolakan pengundi adalah diperkuatkan dengan kewujudan kewartawanan pemertikaian yang telah mencabar hegemoni pemerintah. Keadaan ini bukanlah suatu yang bersifat pelik kerana ia juga melibatkan lain-lain negara. Dalam usaha untuk mengatasi dan memantau topik perbincangan yang diutarakan menerusi kewartawanan pemertikaian ia adalah satu yang bersifat *kontradik* kerana pemerintah Malaysia sendiri menyatakan penggunaan Internet dijamin tidak dikawal. Tetapi hakikatnya dengan lulusnya Akta Berita Tidak Benar (2018), ia adalah bersifat antitesis. Hakikatnya PRU14 adalah sejarah hitam buat BN dan ia memerlukan suatu penelitian yang cukup komprehensif dalam usaha memenangi semula hati para pengundi.

Nota Hujung

1. PRU14 telah merubah lanskap politik negara berikutan kegagalan BN mempertahankan pemerintahannya yang telah berusia enam dekad. Malahan parti-parti komponen BN seperti Gerakan, Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP), Parti Rakyat Sarawak (PRS) dan Parti Progresif Demokratik (PDP) juga telah meninggalkan BN selain terdapatnya beberapa pemimpin kanan UMNO yang bertindak keluar parti dan mengumumkan mereka adalah Ahli Parlimen Bebas.

2. Mantan Perdana Menteri ke-6 Dato Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak yakin memperolehi keputusann yang lebih baik pada PRU-14. Ia adalah didasari oleh polisi beliau yang lebih mapan dari sudut ekonomi khususnya yang berkaitan dengan potongan cukai pendapatan selain melabelkankan PH sebagai “parti carca marba dan kesukaran tambahan berikutan kehilangan sokongan PAS yang banyak membantu dalam PRU13.

3. PRU-13 dikatakan sebagai pilihan raya paling sengit disebabkan oleh persepsi pakatan pembangkang yang dikenali sebagai Pakatan Rakyat (PR) memiliki peluang yang sama rata dalam memenangi pilihan raya berkenaan. Namun PR telah gagal dalam PRU13 walaupun mendapat undi popular 51 peratus berbanding BN yang memperolehi 47 peratus.

4. Duverger. (1963). *Political parties: Their organization and activity in the modern state*, hlm, 312.

5. PRU-12 adalah titik mula kepada kemerosotan sokongan pengundi-pengundi Cina terhadap parti komponen BN iaitu MCA dan Gerakan. Ia dikatakan antara kelemahan bekas Perdana Menteri Abdullah Ahmad Badawi. Berikutan itu menjelang PRU-13 ia menambahkan lagi kemerosotan sokongan pengundi-pengundi Cina sekaligus menidakkan suara orang-orang Cina khususnya yang melibatkan kepentingan mereka di Malaysia. Adalah jelas sokongan telah beralih kepada parti DAP sebagaimana yang dinyatakan oleh bekas Perdana Menteri Mohd Najib Razak pada 6 Mei 2013. DAP dikatakan telah memberikan gambaran yang salah terhadap masyarakat Cina dengan cara berkempen menerusi slogan Ubah. Hakikatnya tidak ada yang mampu untuk mengubah kerajaan BN kerana ia adalah disokong oleh Bumiputera termasuk di Sabah dan Sarawak.

6. Mohd Hariszuan Jaharudin. (2014). *Pilihan Raya Umum ke-13: Perubahan budaya politik Malaysia dan krisis legitimasi moral Barisan Nasional*, hlm, 154.

7. Berdasarkan kepada trend daftar pemilih yang berkaitan dengan kaum wanita, didapati sejak PRU-11 (2004) peratusannya menunjukkan peningkatan iaitu pada PRU-11 kaum wanita yang berdaftar adalah mewakili 49.75% berbanding kaum lelaki iaitu 50.25%. Daftar pemilih kaum wanita pada PRU-12 terus meningkat kepada 50.07% menyaksikan peningkatan 0.32% daripada PRU-11. Peratusannya terus meningkat kepada 50.23% dan 50.5% masing-masing dalam PRU-13 dan PRU-14. The Star GE14, www.election.thestar.com.my

8. Mengikut dapatan kajian yang dijalankan oleh Pusat Kaji Selidik *Merdeka Centre* khususnya yang melibatkan 1,579 pengundi berdaftar yang merangkumi 70 kerusi marginal di Semenanjung Malaysia pada 28 April hingga 8 Mei 2018 mendapati BN akan memenangi PRU-14 dan terus kekal menerajui pemerintahan negara. Pengendalian penyelidikan berkenaan adalah menjurus terhadap isu berkaitan kebimbangan ekonomi, tadbir urus dan kelemahan kepimpinan.

9. Organisasi yang dikenali sebagai *Kajidata Research* telah menjalankan kajian persepsi rakyat yang melibatkan PH dan berdasarkan kepada dapatan penyelidikan menunjukkan BN akan terus diberikan mandat menerusi PRU-14. Ia adalah berdasarkan kepada penyelidikan menerusi temubual yang dijalankan menerusi telefon bertarikh 12 hingga 27 Mac 2018 yang melibatkan 1,021 responden di seluruh negara. Hasil kajian mereka mendapati bahawa

39 peratus responden menyetujui bahawa BN akan membentuk kerajaan berbanding 32.8 peratus yang menyokong PH akan membentuk kerajaan. Menerusi dapatan kajian oleh Kajidata juga menunjukkan DAP adalah lebih popular berbanding dengan PKR iaitu 33 peratus berbanding 31.2 peratus. Ia kemudiannya diikuti oleh Bersatu dan Amanah iaitu masing-masing dengan peratusan 18.8 dan 17.

10. Lihat Astro Awani “Pakatan Rakyat tidak lagi berfungsi, Pakatan Harapan ditubuhkan – Wan Azizah - <https://www.astroawani.com/berita-politik/pakatan-rakyat-tidak-lagi-berfungsi-pakatan-harapan-ditubuhkan-wan-azizah-74147>

11. Lihat “Kronologi konflik Najib Mahathir – sinarharian.com.my/politik/kronologi-konflik-najib-mahathir-1.400123

12. Lihat “Pelantikan Tun Mahathir sebagai Penasihat Petronas Ditamatkan” <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2016/03/132861/pelantikan-tun-mahathir-sebagai-penasihat-petronas-ditamatkan>

13. Lihat “Tun M patut tubuh parti politik baharu – Shahrir” <https://www.bharian.com.my/berita/politik/2016/05/158086/tun-m-patut-tubuh-parti-politik-baharu-shahrir>

14. Lihat “PRU14: Belia keting demokrasi rakyat” <https://dev.malaysiadateline.com/pru14-belia-keting-demokrasi-rakyat/>

15. Lihat “Najib tarik pengundi Cina dengan janji iktiraf UEC” <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2018/04/30/najib-tarik-pengundi-cina-dengan-janji-iktiraf-uec/>

Rujukan

- A. Kadir Jasin. (2013). *Mohd Najib selepas Tsunami Cina*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn Bhd.
- Abbott. J.P (2004). The Internet, reformasi and democratisation in Malaysia. Dalam Edmund Terence Gomez (penyt), *The state of Malaysia: Ethnicity, equity and reform*. RoutledgeCurzon Malaysian Studies Series.
- Amer Saifude Ghazali & Zulkanain Abdul Rahman. (2011). Pilihan Raya Umum ke-12: Tinjauan Mengenai Corak Pengundian. Dalam Joseph M. Fernando, Zulkanain Abdul Rahman & Suffian Mansor (Penyt.), *Pilihan Raya Umum Malaysia ke-12: Isu dan pola pengundian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Arakaki, R. (2013). Malaysia's 2013 general elections and its democratic prospects. *Asian Politics & Policy*, 5(4): 689–692.
- Ariffuddin Ishak (2013) "Kerajaan Fokus Selesai Isu Pendamaian Nasional-PM", *mstar*, 1 Jun 2020 <<http://mstar.com.my/lokal/semasa/2013/06/26/>>
- Bernamea (2018) "Kajian Kajidata menunjukkan BN akan terus berkuasa" (dalam MalaysiaKini) 3 Mei 2018 <<https://www.malaysiakini.com/news/422885>>
- Chen May Yee (1999). Malaysia flock online to voice opinion on Anwar, *Asian Wall Street Journal*, 30 Mac: 1, 5.
- F. Hamidi & M. Baljko. (2012). *Using social networks for multicultural creative collaboration*, ICIC 2012, Bangaluru, India.
- Fahmy Azril Rosli (2018). "BN akan menang PRU-14 – Merdeka Center" *myMetro*, 8 Mei 2018 <<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/05/337846/bn-akan-menang-pru-14-merdeka-center>>

Funston, J. (2018). Unravelling UMNO's Malaysia. Dalam Bridget Welsh (penyt.), *The end of UMNO? Essays on Malaysia's former dominant party*. Petaling Jaya: Strategic Information & Research Development Centre.

Ibrahim Suffian (2013) "Voting Demographics in the 13th Malaysian General Election," ISEAS Seminar, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 5 September.

Johan Saravanamuthu. (2008). A tectonic shift in Malaysian politics. Dalam Ooi Kee Beng, Johan Saravanamuthu & Lee Hock Guan (Penyt.), *March 8 eclipsing May 13*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.

Johns, Dean. (2014). *Malaysians boleh?* Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre (SIRD).

Junhairi Alyasa, Luqman Ridhwan Mohd Nor & Mohd Hafizi Ahmad (2013) "Program transformasi direalisasikan: Najib bentang laporan kejayaan GTP, ETP yang dilaksanakan sejak tiga tahun lalu", *Kosmo*, 20 Mac 2013.

Kessler, C. (2018). After GE13: What happened and now what? Dalam Greg Lopez & Bridget Welsh (Penyt.), *Regime resilience in Malaysia and Singapore*. Petaling Jaya: Strategic Information & Research Development Centre (SIRD).

Loh, Hendry. (2013). "A new Malaysia-post GE13", *Aliran*, 11 Jun, <aliran.com/14230.html>

McCaughey, M & Ayers, M.D. (penyt.) (2003). *Cyberactivism: Online activism in theory and practice*. Portsmouth, NH: Routledge.

Mohamed Nawab Mohamed Osman. (2015). Whiter Malaysia: Re-thinking the future of Malaysian politics. Dalam Johan Saravanamuthu, Lee Hock Guan & Mohamed Nawab Mohamed Osman (penyt.), *Coalitions In collision: Malaysia's 13th General*

Elections. Petaling Jaya: Strategic Information & Research Development Centre (SIRD).

Muhammad M.N. Nadzri (2019) "The 14th General Election, the Fall of Barisan Nasional, and Political Development in Malaysia, 1957 – 2018", first published March 25, 2019 in journal.sagepub.com/doi/full/10.1177/186810341803700307

Nazura Ngah (2013) "4 tahun lakar kejayaan", *Berita Harian*, 3 April 2013

Netto, Anil (2013) " Legitimacy Crisis in Post-Election Malaysia", *Asia Times*, 15 May.

Ooi, T.L. (2010) *Dinamik ruang siber dalam gerakan reformasi di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Paslowsky, A. (2017). The growth of social media norms and governments' attempts at regulations. *Fordham International Law Journal*, 35 (5), 1485-1542.

Periasamy, M. (2018) "Pengundi Muda Bijak Buat Pilihan" *Berita Harian*, 1 Januari 2018 <<https://www.bharian.com.my/kolumnis/2018/01/369334/pengundi-muda-bijak-buat-pilihan.>>

Rodan, G. (2004). *Transparency and authoritarian rule in Southeast Asia: Singapore and Malaysia*. New York: Routledge Taylor & Francis.

Schmidt, E. & Cohen, J. (2013). *The new digital age: Reshaping the future of people, nations and business*. Google Inc & Jared Cohen.

Sipalan, Joseph (2013) "Zahid: Preventive detention bid is transformation, not draconian", *The Malay Mail*, 25 September.

Welsh, B. (2018). Change without change: Malaysia after GE 2013. Dalam Greg Lopez & Bridget Welsh (Penyt.), *Regime resilience in Malaysia and Singapore*. Petaling Jaya: Strategic Information & Research Development Centre (SIRD).

Yang Razali Kassim (2015). New politics or old politics in new clothing? Dalam Johan Saravanamuthu, Lee Hock Guan & Mohamed Nawab Mohamed Osman (Penyt.), *Coalitions in collision: Malaysia's 13th General Elections*. Petaling Jaya: Strategic Information & Research Development Centre (SIRD).

Zulaikha Zulkifli (2013). "PM: Terima keputusan pilihan raya demi perdamaian" *Malaysiakini*, 1 Jun 2020 <<http://www.malaysiakini.com/news/234004>>